

Sasar sekolah di Felda ada kelab robotik

Sebanyak 270 sekolah akan dipastikan mempunyai Kelab Pengekodan dan Robotik dalam masa dua tahun setengah

Oleh **MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID SHAH ALAM**

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) akan memastikan kesemua 270 buah sekolah kebangsaan dalam tanah rancangannya mempunyai Kelab Pengekodan dan Robotik.

Pengerusi Felda, Tan Sri Idris Jusoh berkata, pihaknya menyasarkan semua sekolah itu mempunyai Kelab

Pengekodan dan Robotik dalam masa lebih dua tahun.

“Insya-ALLAH dalam masa dua tahun setengah kita akan memastikan kesemua 270 buah sekolah kebangsaan kita akan mempunyai kelab ini,” katanya semasa berucap semasa Pelancaran Felda Digital Maker Hub (FDMH) - Coding dan Robotik.

Majlis ini dirasmikan oleh Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin di Sekolah Kebangsaan Sahabat 4, Lahad Datu, Sabah pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Idris menjelaskan, kewujudan kelab seperti ini selaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang memberi menekankan kepada pentingnya IR4.0 atau Revolusi Industri Keempat.

Idris dalam ucapannya turut mendedahkan bahawa idea untuk mengadakan *coding* ini bermula semasa beliau menjawat jawatan Menteri Pendidikan II.

“Saya ingat tahun 2014 seorang felo perdana dari Cambridge, Yen Peng Chan



Radzi (duduk berbaju biru) bersama Idris (duduk berbaju putih) mencuba permainan robotik yang dihasilkan oleh pelajar Sekolah Kebangsaan Sahabat 4, Lahad Datu, Sabah pada Sabtu.

sekarang sudah menjadi guru, memberitahu saya asas kepada IT (teknologi maklumat) adalah *coding*.

“Kita telah memberitahu Menteri Pendidikan waktu itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan alhamdulillah saya diberitahu di sekolah ini juga (Sekolah Kebangsaan Sahabat 4)

bermulanya *coding* dan robotik,” ujarnya.

Sementara itu, Felda dalam kenyataan berasingan memberitahu, pelaksanaan inisiatif ini melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM4.05 juta yang akan diperoleh melalui kaedah penajaan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta individu

bagi menyemarakkan penglibatan komuniti dalam pendidikan generasi baharu Felda.

“Penajaan ini bagi menyediakan kelengkapan asas robotik dengan kos RM15,000 bagi sebuah sekolah.

“Inisiatif ini akan menjadi sebahagian aktiviti kokurikulum yang akan dijalankan melalui kelab robotik sekolah dan mampu menjadi platform untuk meningkatkan kecemerlangan murid,” katanya.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan akan bertanggungjawab memastikan pelaksanaan aktiviti ini dapat dijalankan dengan baik.

“Felda pula akan menyediakan latihan kepada guru-guru Reka Bentuk dan Teknologi setiap sekolah yang terlibat bagi memastikan penyampaian dan pelaksanaan aktiviti kepada murid-murid dapat dibuat secara berkesan.

“Felda juga yakin inisiatif ini akan menjadi instrumen bagi melonjakkan mobiliti sosial warga Felda bermula daripada pendidikan sekolah rendah,” ujarnya.